

MAHATHIR

1979

TENGGAK, 1 JUN (BERNAMA)—TIMBALAN PRESIDEN UMNO MALAYSIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN BAHAWA UMNO BUKAN SAHAJA BERJUANG BAGI PEMBANGUNAN MATERIAL TETAPI JUGA MEMERI PERHATIAN DAN BERTANGGUNGJAWAB BAGI PERKEMBANGAN ISLAM.

KATANYA UMNO BUKANLAH SEPERTI PERTUDUHAN LAIN YANG TERJUANG MENINGKATKAN SYIAR ISLAM TETAPI GAGAL MELAKSANAKANNYA.

DALAM UCAPANNYA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN LEDANG, DI SINI HARI INI DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENGGARISKAN PERJUANGAN UMNO KEPADA LEBIH KURANG 2,000 WAKIL DARI 60 BUAH CAWANGAN TERMASUK JUGA PEMIMPIN-PEMIMPIN MCA DAN MIC TEMPATAN.

BELIAU MENJELASKAN UMNO MENGGUNAKAN POLITIK SEBAGAI ALAT MENENTUKAN DASAR NEGARA DAN MEMBERI PERUNTUKAN YANG CUKUP UNTUK MENJAYAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN NEGARA DAN RAKYAT SELAIN DARI MENCAPAI MATLAMAT MENSEIMBANGKAN KEDUDUKAN RAKYAT.

BELIAU, SELAKU MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENGGESA PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA JANGAN MERASA SEGAN DAN SILU MENGIKUTI BERBAGAI-BAGAI LATIHAN PERNIAGAAN YANG DISEDIAKAN OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU. —BERSAMBUNG 1255/MD

EE

1526:

MAHATHIR 2. TANGKAK

64

KATANYA BIDANG PERNIAGAAN BUKANLAH DIANGGAP SEBAGAI KHIDMAT KEPADA KERAJAAN TETAPI SEBALIKNYA PENIAGA-PENIAGA MESTILAH MEMPUNYAI TEKAD UNTUK MELUASKAN PERNIAGAANNYA.

BELIAU MENYATAKAN PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA TELAH MENGALAMI KERUGIAN BERJUTA-JUTA RINGGIT AKIBAT TIDAK MEMPUNYAI KEUPAYAAN SERTA KECEKAPAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN.

TAMBAHNYA AKIBAT DARI KERUGIAN TERSEBUT MEREKA BUKAN SAHAJA KEHILANGAN MODAL TETAPI TIDAK DAPAT MEMBAYAR BALIK WANG PINJAMAN.

— BERNAMA 1258/A1